

CABARAN SELEPAS PEMBENTUKAN MALAYSIA

KERTAS

1

Soalan Objektif

Arahan: Tiap-tiap soalan atau pernyataan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu A, B, C, dan D. Hanya terdapat satu jawapan yang betul atau paling sesuai. Pilih jawapan tersebut.

6.1 Cabaran Dalam Malaysia

- 1 Malaysia dibentuk secara rasmi pada 16 September 1963. Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara selepas pembentukan Malaysia?

(BUKU TEKS m.s. 111)

- I Penentangan Sabah
- II Pemisahan Singapura
- III Perpaduan antara kaum
- IV Pemilihan pemimpin negara

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 2 Sarawak dan Sabah mempunyai kekayaan hasil bumi yang banyak. Mengapakah kekayaan hasil bumi tersebut tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya?

(BUKU TEKS m.s. 111)

- A Kekurangan tenaga kerja
- B Penglibatan pendatang asing
- C Kepelbagaian etnik penduduk
- D Pengamalan ekonomi sara diri

- 3 Selepas pembentukan Malaysia, negara menghadapi pelbagai cabaran bagi menyeimbangi pembangunan di Sarawak dan Sabah. Apakah cabaran yang dihadapi dalam membangunkan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?

(BUKU TEKS m.s. 117)

- A Keluasan muka bumi
- B Bahan mentah terhad
- C Kekurangan tenaga kerja
- D Sikap masyarakat tempatan

- 4 Pada bulan September 1966, darurat diisytiharkan di Sarawak.

Apakah faktor yang menyebabkan darurat terpaksa diisytiharkan pada ketika itu?

(BUKU TEKS m.s. 111)

- A Ancaman komunis
- B Pergolakan politik
- C Ancaman negara jiran
- D Pemberontakan rakyat

- 5 Setelah pembentukan Malaysia, negara menghadapi cabaran untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Apakah cabaran tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 118)

- I Jarak yang jauh
- II Kepelbagaian kaum
- III Perbezaan kepercayaan
- IV Hubungan antara pemimpin

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

6.2 Pemisahan Singapura

- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu peristiwa penting yang berlaku dalam sejarah negara kita.

Pada 9 Ogos 1965, Parlimen Malaysia meluluskan rang undang-undang pemisahan Singapura.

Apakah faktor yang membawa kepada pemisahan tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 119)

- I Isu hak sama rata
- II Pengaruh fahaman komunis
- III Pertukaran pucuk kepimpinan
- IV Masalah hubungan antara pemimpin

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 7 Lee Kuan Yew mengadakan kempen Malaysian Malaysia selepas pembentukan Malaysia. Mengapakah konsep Malaysian Malaysia mampu menggugat keharmonian negara?

(BUKU TEKS m.s. 119)

- A Penyekatan ekonomi bebas
- B Pemansuhan institusi beraja
- C Persamaan hak antara kaum
- D Pembatalan pilihan raya umum

- 8 Pemisahan Singapura menjadi cabaran utama selepas pembentukan Malaysia. Apakah faktor ekonomi yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?

(BUKU TEKS m.s. 119)

- I Penambahan kadar cukai
- II Pembinaan pelabuhan bebas
- III Pengecualian bayaran faedah
- IV Pembukaan pasaran bersama

- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

- 9 Menurut Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, pemisahan Singapura daripada Malaysia tidak dapat dielakkan.

Apakah tuntutan Singapura terhadap Malaysia yang menyebabkan berlakunya pemisahan tersebut?

(BUKU TEKS m.s. 119)

- A Hak pengurusan imigresen
- B Hak sama rata untuk semua kaum
- C Singapura sebagai pelabuhan bebas
- D Singapura sebagai pusat pentadbiran negara

10 Maklumat berikut berkaitan dengan tuntutan Singapura terhadap Kerajaan Persekutuan Malaysia.

- Pembukaan pasaran bersama disegerakan
- Hak sama rata untuk semua kaum

Apakah kesan daripada tuntutan tersebut? (BUKU TEKS ms. 119)

- A Perang saudara
- B Pemisahan Singapura
- C Pengisytiharan darurat
- D Pembentukan Malaysia

11 Pada 9 Ogos 1965, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pemisahan Singapura ke dalam Parlimen Malaysia.

Apakah isu yang membawa kepada usul tersebut? (BUKU TEKS ms. 119 - 120)

- A Hak sama rata
- B Ancaman komunis
- C Pengagihan kuasa
- D Sistem pengangkutan

12 Kerajaan Persekutuan Malaysia mengambil langkah mengeluarkan Singapura daripada Malaysia.

Apakah kaedah yang digunakan oleh kedua-dua negara untuk menyelesaikan isu tersebut? (BUKU TEKS ms. 120)

- A Paksaan
- B Provokasi
- C Rundingan
- D Konfrontasi

6.3 Menangani Ancaman Komunis

13 Bahagian Pertama dan Bahagian Ketiga menjadi sasaran utama gerakan komunis di Sarawak. Apakah bentuk ancaman komunis di kawasan tersebut? (BUKU TEKS ms. 121)

- I Rapat umum
- II Gerakan politik
- III Serangan bersenjata
- IV Peperangan secara terbuka
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Senarai berikut merupakan pertubuhan yang dibentuk di Kalimantan dan Sarawak.

- Komunis Kalimantan Utara (PKKU)
- Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU)
- Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS)

Apakah persamaan perjuangan pertubuhan tersebut? (BUKU TEKS ms. 121)

- A Memansuhkan institusi beraja
- B Menubuhkan kerajaan Kalimantan Utara
- C Membentuk republik komunis di Sarawak
- D Menggulingkan kerajaan Persekutuan Malaysia

15 Pada 5 Ogos 1952, komunis menyerang kawasan Batu Kitang, Kuching, Sarawak. Serangan tersebut menandakan bermulanya serangan komunis terhadap (BUKU TEKS ms. 121)

- A orang barat
- B orang awam
- C pegawai kerajaan
- D pasukan keselamatan

16 Kerajaan telah melaksanakan gerakan perang saraf untuk mengatasi ancaman komunis di Sarawak.

Bagaimanakah gerakan tersebut dijalankan? (BUKU TEKS ms. 121)

- A Membina kampung baru
- B Menangkap pemimpin komunis
- C Membangunkan pusat perdagangan
- D Menawarkan pengampunan kepada anggota komunis

17 Kerajaan telah melaksanakan operasi berikut di Sarawak.

- Operasi Hammer di Bahagian Pertama
- Operasi RASCOM di Bahagian Ketiga
- Operasi Sri Aman di Bahagian Kedua

Apakah kesan daripada pelaksanaan operasi tersebut? (BUKU TEKS ms. 121)

- A Kegiatan lanun berkurangan
- B Gerakan komunis menjadi lemah
- C Rusuhan antara kaum ditamatkan
- D Pemberontakan rakyat dibanteras

18 Kerajaan telah melancarkan rancangan berikut untuk menangani ancaman komunis.

- Rancangan Briggs
- Operasi Hammer

Apakah persamaan antara kedua-dua rancangan tersebut? (BUKU TEKS ms. 121)

- A Memenangi hati rakyat
- B Menawarkan rundingan
- C Menawarkan pengampunan
- D Mengadakan perjanjian damai

19 Kerajaan berusaha melindungi rakyat daripada ancaman komunis melalui kaedah yang berikut.

Strategy Counterinsurgency (COIN)

Apakah langkah yang diambil melalui kaedah tersebut? (BUKU TEKS ms. 125)

- A Menawarkan pengampunan
- B Mengadakan catuan makanan
- C Menempatkan semula penduduk
- D Memenangi hati rakyat tempatan

- 20 Selapas pembentukan Malaysia, kerajaan telah mengambil langkah yang berikut.

- Strategi *Counterinsgency* (COIN)
- Perjanjian Korjasama Sempadan

Apakah tujuan langkah tersebut diambil? (BUKU TEKS m.s. 112)

- A Mombanteras ancaman komunis
- B Menghalang pencerobohan kuasa luar
- C Menjamin keselamatan di perairan Malaysia
- D Memajukan kegiatan perdagangan antarabangsa

6.4 Isu Pembangunan dan Ekonomi

- 21 Dalam usaha menangani isu pembangunan dan ekonomi negara, kerajaan telah memperkenalkan Rancangan Malaysia Pertama (1966 - 1970). (BUKU TEKS m.s. 117)

Apakah isu tersebut?

- A Kekurangan tenaga kerja
- B Ketidakstabilan matawang
- C Peluasan pengaruh komunis
- D Taraf pendapatan yang rendah

- 22 Maklumat berikut merupakan isu yang timbul dalam pembangunan dan ekonomi negara.

- Terlalu bergantung pada eksport getah dan bijih timah
- Kejatuhan harga bahan mentah

Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi isu tersebut? (BUKU TEKS m.s. 117)

- A Memajukan sektor pelancongan
- B Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
- C Menggalakkan kemasukan buruh asing

- D Menggalakkan penggunaan teknologi moden

- 23 Maklumat berikut berkaitan dengan isu yang dihadapi selepas pembentukan Malaysia.

Peluang pekerjaan yang terhad

Kadar pengangguran meningkat

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut? (BUKU TEKS m.s. 118)

- A Mendapatkan bantuan negara lain
- B Mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing
- C Mempercepat integrasi dalam kalangan penduduk
- D Menubuhkan pusat latihan vokasional dan teknikal

- 24 Antara isu yang dihadapi oleh negara selepas pembentukan Malaysia ialah taraf hidup rakyat berbeza. Apakah usaha kerajaan untuk mengatasi isu tersebut? (BUKU TEKS m.s. 118)

- A Mengurangkan kadar kelahiran
- B Mempergiat aktiviti perlombongan
- C Melancarkan rancangan bersepadu
- D Menggalakkan pembukaan ladang getah

6.5 Tragedi Hubungan antara Kaum

- 25 Peristiwa rusuhan antara kaum berlaku pada 13 Mei 1969, bermula beberapa hari setelah diadakan pilihan Raya Umum Ketiga. Apakah faktor yang membawa kepada peristiwa tersebut? (BUKU TEKS m.s. 120)

- I Kegagalan MAGERAN
- II Pengaruh negara jiran
- III Keputusan pilihan raya
- IV Ketidakeimbangan ekonomi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 26 Peristiwa 13 Mei 1969 telah menyebabkan berlaku ketegangan antara kaum. Apakah langkah serta-merta yang diambil untuk menghentikan rusuhan? (BUKU TEKS m.s. 120)

- A Mengisytiharkan darurat
- B Meminta bantuan negara jiran
- C Menutup sempadan antara negeri
- D Menyekat kemasukan pendatang asing

- 27 Pada 16 Mei 1969, Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat di seluruh negara.

Apakah perkara yang diputuskan dalam perintah darurat tersebut? (BUKU TEKS m.s. 120)

- I Parlimen ditangguh
 - II Perlembagaan digubal
 - III Pembinaan Kampung Baru
 - IV Pusat perlindungan diwujudkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 28 Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang ditubuhkan pada 16 Mei 1969 dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak Hussein.

Apakah fokus utama yang mesti diselesaikan oleh MAGERAN? (BUKU TEKS m.s. 120)

- I Masalah perpaduan kaum
 - II Sistem pendidikan kebangsaan
 - III Kejatuhan harga bahan mentah
 - IV Ketidakeimbangan ekonomi antara kaum
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

➤ Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan dan diberi kuasa memerintah semasa darurat dari 16 Mei 1969 hingga 23 Februari 1971.

Apakah tanggungjawab MAGERAN? (RUMAH TANGGA 2019, 11)

- I Mengawal ketenteraman negara
- II Mengembalikan keharmonian negara
- III Memesatkan pembangunan kawasan luar bandar

IV Menarik pelabur asing dalam sektor perindustrian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Semasa berlakunya rusuhan kaum, Sultan Perak, Sultan Idris Iskandar Shah II, menasihati rakyat agar menjaga keamanan.

Apakah usaha yang dilakukan oleh pemimpin

masyarakat dan pemimpin politik negeri Perak dalam perkara tersebut? (RUMAH TANGGA 2019, 11)

- A Membentuk pasukan *Home Guard*
- B Mengajukan Program Perpaduan
- C Menubuhkan Majlis Gerakan Negeri
- D Menubuhkan Jawatankuasa Muhibah